



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَةِ رَبِّيْ اِسْلَامًا اَنْبَارًا اَيْحَسْبًا مِلْدِيْنًا

**HARTA WAKAF
PENGURUSAN DAN PERMASALAHANNYA
(PENGKHUSUSANNYA DI NEGERI SELANGOR)**

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: <i>G117</i>	LOCATION:
DATE RECEIVED: <i>6/1/13</i>	<i>M.</i>
ACC. NO: 128752	
CALL NO:	

OLEH:

IDRIS BIN RAMLI

**KULIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA**

DISELIA OLEH:

**YANG BERBAHAGIA
PROF. TAN SRI DATO' AHMAD IBRAHIM**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA**

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA

Pendahuluan.	1
Pengertian Wakaf	3
Pensyariaan Wakaf	5
Konsep Tanah Wakaf	15
Hikmat Wakaf	16

BAHAGIAN KEDUA

Rukun Wakaf	19
Hukum Wakaf	55
Bahagian Wakaf	57

BAHAGIAN KETIGA

Bila Hilang Pemilikan Harta Wakaf	59
Pembubaran Wakaf	62
Penjualan Harta Wakaf	64
Syarat-Syarat Penggantian Harta Wakaf	68
Penggantian Harta Wakaf	70

BAHAGIAN KEEMPAT

Pewakaf Berwakaf Ketika Marad Al-Maut	76
Nazir Wakaf	80

BAHAGIAN KELIMA

Pengurusan dan Pentadbiran Harta Wakaf	86
Asas-Asas Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Dalam Islam	90

Unsur-Unsur Utama Dalam Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Islam	95
Kuasa Pentadbiran Negeri	106
Kedudukan Jabatan Agama Islam Selangor	109
Bidang Kuasa Majlis Agama Islam Selangor	112
Fungsi dan Peranan	113
Tujuan, Matlamat dan Tugas	115
Jawatankuasa Baitulmal / Zakat dan Kewangan	
Majlis Agama Islam Selangor	118
Permasalahan Wakaf Di Negeri Selangor	124
Saranan / Cadangan	129
Penutup	131

LAMPIRAN-LAMPIRAN:

- I Ahli Majlis Agama Islam Selangor.
- II Senarai Kakitangan Baitulmal / Zakat Majlis Agama Islam Selangor.
- III Carta Organisasi Bahagian Baitulmal / Zakat Majlis Agama Islam Selangor.
- IV Senarai Ahli Jawatankuasa Baitulmal / Zakat Majlis Agama Islam Selangor.
- V Senarai Harta Baitulmal / Zakat Majlis Agama Islam Selangor.
- VI Borang Permohonan Mewakafkan Tanah Kepada Majlis Agama Islam Selangor.
- VII Borang 14A.
- VIII Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Baitulmal / Zakat Majlis Agama Islam Selangor Tahun 1412 Hijrah.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang)

KATA PENGANTAR

Segala puji-pujian tertentu bagi Allah S.W.T. yang memerintah sekalian alam, selawat dan salam dipersembahkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., juga para sahabat-sahabat baginda yang berjuang menegakkan Islam.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayahNya dapat penulis menyusun dan menyiapkan sebuah skripsi untuk melengkapi ujian Diploma Undang-Undang dan Kehakiman Islam yang ditulis di atas tajuk **HARTA WAKAF, PENGURUSAN DAN PERMASAALAHANNYA.**

Skripsi ini adalah merupakan hasil usaha penulis dari beberapa kajian dan pengalaman. Dengan kajian-kajian yang begini rupa, ianya akan dapat dijadikan satu panduan dan petunjuk serta dapat pula dimanfaatkan oleh setiap masyarakat Islam yang terlibat secara langsung atau tidak dalam pengurusan dan pentadbiran harta wakaf. Dalam skripsi ini penulis cuba membicarakan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan sejarah dan perkembangan wakaf, hikmah, serta konsep wakaf, pengurusan dan permasalahan yang selalu dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan serta pentadbiran harta wakaf, supaya faedahnya dapat dinikmati oleh masyarakat Islam.

Penulis sangat-sangat terhutang budi kepada mereka-mereka yang telah memberikan bantuan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan skripsi ini sehingga sedemikian rupa, dan tidak lupa diucapkan terima kasih kepada:

1. Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim yang membimbing penulis.
2. Pegawai-pegawai serta kakitangan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa yang turut bekerjasama meminjamkan bahan-bahan bacaan dan rujukan.
3. Pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan, Shah Alam yang telah memberikan maklumat yang diperlukan.
4. Juga tidak ketinggalan rakan-rakan yang memberikan bantuan dan pertolongan.

Mudah-mudahan segala pertolongan yang dicurahkan itu akan diberkati Allah S.W.T. dan mendapat ganjaran yang baik darinya.

Sekian, Wassalam.

Universiti Islam Antarabangsa.

26hb. J. Akhir, 1412

Penulis.

01hb. Januari, 1992

HARTA WAKAF PENGURUSAN DAN PERMASAALAHANNYA

BAHAGIAN PERTAMA:

PENDAHULUAN.

Kehidupan kita di dunia ini hanya sementara sahaja, ketika kita hidup ini rata-rata kita berusaha mencari dan mengumpulkan harta untuk menampung keperluan hidup diri sendiri serta juga orang-orang yang di bawah tanggungan mereka.

Walaupun demikian halnya, kita tidak harus melupakan Alam sesudah hidup ini, kita sebenarnya harus ingat bahawa harta benda yang dikumpulkan, yang kita miliki itu adalah pemilik hakiki adalah Allah S.W.T. seperti firmanNya di dalam Surah An-Nisa' Ayat 131

maksudnya: " Maka sesungguhnya segala perkara yang ada di langit dan bumi adalah kepunyaan Allah S.W.T. dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji. "

Oleh itu kita hanyalah sebagai wakil untuk mengurus harta yang Allah S.W.T. berikan kepada kita. Sebagai wakil, kita tidak seharusnya bertindak lebih daripada apa yang diwakil dan diamanahkan.

Untuk menguruskan amanah yang Allah S.W.T. berikan dengan sebaik-baiknya, Allah menyarankan supaya kita beramal saleh, sesuai dengan Firman Allah dalam Surah Al-`Asr

maksudnya: " Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh " (1)

Lantaran itu demi menjamin harta kita kekal faedah dan mamfaatnya untuk kita dan juga untuk umat Islam agar ianya tidak disalahgunakan bertentangan dengan amanah yang dimandatkan kepada kita, Islam memberi satu ruang kepada kita supaya harta kita benar-benar dapat dinikmati mamfaatnya bukan sahaja kita sendiri malahan generasi selepas kita meninggal kelak seluruh masyarakat Islam akan merasainya, ruang yang terbuka yang dimaksudkan itu ialah sistem / institusi wakaf yang telahpun diperkenalkan oleh Islam sejak sekian lama.

Ini bertepatan dengan Sabda Rasulullah S.A.W.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي (ص) قال
إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاثة أشياء وهدية
جارية أو علم ينتفع به أو ولد صالح يدعوه
رواه الجماعة إلا البخاري
وأبو داود

maksudnya: " Apabila manusia meninggal dunia maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, atau ilmu yang dapat dimamfa'atkannya dengan ilmu tersebut atau anak yang saleh yang mendoakannya." Diriwayatkan oleh jamaah kecuali Bukhari dan Ibnu Majah (2)

1. Surah Al-Asr Ayat 1 - 3

2. Al-Tarmizi, Abi Isa Mohammad b. Isa b. Surah Sunan Al-Tarmizi, Darul Al-Fikri, Beirut 1980, Jld. 2 Hal. 418.

Kertas projek ini akan cuba membentangkan berhubung dengan harta wakaf, bagaimana ianya ditadbirkan serta diuruskan serta cuba menyingkap apakah permasalahan sebenar yang wujud dalam mentadbir / mengurus harta wakaf, penulis hanya menjuruskan kajiannya dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

PENGERTIAN WAKAF.

Perkataan wakaf menurut segi bahasa bererti " Al-Habsu " yang berasal dari katakerja Habbasa - Habsan iaitu menjauhkan orang dari sesuatu atau memenjarakan. (1) Kemudian kata ini berkembang menjadi " Habbasa " yang bererti mewakafkan harta kerana Allah. (2)

Perkataan wakaf sendiri berasal dari katakerja wakafa (fail madi) yakifu (Fe'l mudari') Waqfan (Isim masdar) yang bererti berhenti atau berdiri. (3)

Manakala perkataan wakaf menurut segi istilah pula para ulama' berselisih pendapat dalam memberikan pengertiannya.

Jumhur Ulama' (terdiri daripada golongan Hanafi, Shafie dan Hambali) mereka mendefinasikan wakaf ialah menahan harta yang mungkin dapat diambil mamfaatnya tanpa menghabiskan atau merosakkan 'ain harta tersebut dan digunakan untuk kebajikan.

-
1. Al-Bustani, Fuad Ifram, Munjid Al-Tullabb, Hal. 104
D. Al-Masrik, Beirut, 1956.
 2. Ibdid., Hal., 104
 3. Ibdid., Hal., 931
 4. Shamsuddin Muhammad b. Abil Abbas Ahmad b. Hamzah,
Nihayah Al-Muhtaj, Hal., 358 Jilid 5, t.t. Mustafa
Al-Babi Al-Halabi Cairo
- # Al-Malbari, Zainuddin, Hasiah Iaqnah Al-Talibin, Hal., 161
Jld. 3, D. Fikri. Beirut

Mewakafkan harta yang mana faedahnya dapat diambil dan dinikmati tanpa menyentuh atau mencacatkan sedikitpun harta yang diwakafkan tersebut, ertinya hendaklah harta itu merupakan daripada benda yang bentuknya kekal bagi selama-lamanya. Wakaf bagi mereka merupakan pelepasan tanggungjawab wakif (orang yang mewaafkan) terhadap harta yang telah diwakafkan. Hasil faedah daripada harta yang diwakafkan itu digunakan bagi tujuan kebajikan dan juga untuk taqarrub (menghampirkan diri kepada Allah).

Manakala golongan yang bermazhabkan Mazhab Maliki pula berpendapat wakaf ialah menjadikan hak memfa'at sesuatu harta kepada orang lain yang menerima harta wakaf (mauquf `aliah) sekalipun pemilikan tersebut dengan cara sewa ataupun secara diberikan keuntungannya untuk orang yang memerlukan dalam jangka masa yang tertentu. (1)

Dari itu wakaf mengikut golongan ini ialah harta yang diwakafkan itu hanyalah terdiri daripada mamfaah sesuatu harta sahaja bukannya `ain harta itu dan pemilik harta itu masih lagi mempunyai hak pemilikan terhadap harta tersebut walaupun ia telah diwakafkan, pada mereka wakaf tidak mensyaratkan taabid (kekal selama-lamanya).

-
1. Al-Zuhaili Wahban Dr. Al-Fiq Al-Islami Wa Adilatuhu, Darul Fikr, Damsyek, 1989, Hal., 156 Jilid 8.
- Al-Wasaya Wal Wakfu Fi Al-Fiq Al-Islami Darul Fikr, Damsyek, 1977 Hal., 156.

Imam Abi Hanifah pula mendefiniskan wakaf sebagai menahan harta mengikut kehendak wakif (orang yang memberi wakaf) dan disedekahkan mamfaat atau faedah harta tersebut untuk tujuan kebajikan sama ada pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. (1)

Berdasarkan kepada definasi di atas, pemilikan harta yang diwakafkan itu masih lagi kepunyaan orang yang berwakaf (wakif) dan haruslah wakif itu menarik balik perwakafannya, dan harus juga ia menjualkannya kerana wakaf mengikut pandangan Abi Hanifah adalah harus sahaja tidak wajib.

Manakala Kamus Dewan dan juga Kamus Lengkap kedua-duanya memberikan definasi wakaf sebagai sesuatu yang diberikan atau didermakan untuk kegunaan orang ramai atau untuk kegunaan orang ramai atau untuk keperluan mereka yang berkaitan dengan Agama Islam. (2)

PENSYARIATAN WAKAF.

Jumhur ulama' berpendapat wakaf merupakan suatu amalan sunat berdasarkan kepada Firman Allah

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا كَبُرْتُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ

شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

maksudnya: " Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian (3)

1. Ibni Al-Himam, Kamal Al-Din Muhammad b. Abd. Wahid, Fathu Al-Kadir, Matba'ah Mustafa Muhammad, Kaherah, Hal. 37, Jilid 5.
2. Kamus Dewan, Edisi Baru, DBP, K. Lumpur 1989, Hal., 1456.
- # Kamus Lengkap, Pustaka Zaman, P. Jaya 1982, Hal., 1230.
3. Surah Ali Imran, Ayat 92


daripada apa yang kamu sayangi, dan sesuatu apa juapun yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah maha mengetahuinya ".

Ayat di atas menjelaskan kepada kita bahawa kita digalakkan mendermakan dan mewakafkan harta yang paling kita sayangi agar mereka yang menerima pemberian kita itu akan merasa senang hati dan gembira serta bersyukur dengan nikmat pemberian Allah yang mereka terima.

Seterusnya Allah S.W.T. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا انْفَعُوا مِمَّا كَسَبْتُمْ
وَمَا آتَيْنَاكُمْ مِنَ الْأَرْضِ - الآية

maksudnya: " Wahai orang-orang yang beriman belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagiannya dari harta hasil usaha kamu yang baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu ".

Ayat ini Allah S.W.T. menggalakkan kita supaya mendermakan harta kita dari harta yang baik dan elok iaitu sebagaimana yang disebutkan dalam ayat di atas dengan perkataan "  " yang baik-baik dan yang elok.

1. Surah Al-Baqarah, Ayat 267.

Selanjutnya dalam ayat yang sama Allah S.W.T. menjelaskan

لا تأخذوا الغيب تنفقون ولستم بأذنيه إلا أن تنفقوا فيه - الآية

maksudnya: " Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat) pada hal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu) kecuali dengan memejamkan mata padanya ".

Daripada ayat-ayat di atas secara umumnya ia menggalakkan kita mendermakan dan mewakafkan harta kita ke arah kebajikan kerana wakaf itu merupakan menafakahkan (membelanjakan) harta ke arah kebajikan.

Daripada nas Hadith pula, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda, antara lain :

من ابى هجرة، فما ابدى منه أن النسيان ان اذا
ما ان الينسان انقطع عمله إلا ان ثلاثة أشياء
لهدعة جارية أو علم ينفع به أو ولد صالح يدعو له
رواه الجماعة الا البخاري
وكنى ما طه

maksudnya: " Apabila manusia meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga hal iaitu: sedekah jariah, atau ilmu yang dimamfaatkannya dengan ilmu tersebut atau anak yang saleh yang mendoakannya kelak ".

(2) Diriwayatkan oleh jemaah kecuali Al-Bukhari dan Ibnu Majah.

1. Surah Al-Baqarah, Ayat 267

2. Al-Tarmizi, Abi Isi Mohammad b. Isa b. Surah Sunan Al-Tarmizi, Darul Al-Fikri, Beirut 1980, Jld. 2 Hal. 418.

Para ulama', mereka mentafsirkan sedekah jariah yang dimaksudkan dalam hadith itu adalah berhubung dengan wakaf (1) atau derma yang berkekalan, dalam bentuk harta yang muabbad kekal yang dapat dinikmati oleh orang yang menerima wakaf (mauquf 'alaih) dan juga masyarakat Islam di mana harta tersebut diwakafkan.

Dalam hadith yang lain, Rasulullah S.A.W. bersabda:

عن ابن عمر رضي الله عنهما اصاب ارضاً من ارض خيبر قال
 يا رسول الله (ص) اصب ارضاً كثير لم اصب ما لا تولا
 انفسه كذا منه فما تأمرني فقال ان شئت صببت
 اهلها وصدقت بها تصدقت بها عمر ذلك ان لا يباع ولا
 يوصى ولا تورث من الفقراء وذوي القربى والرحاب والضيف
 وبين السبل لو جاع له من دليها ان ياطل منها بالمعروف ويطلع بغير

maksudnya: " Dari Ibnu Umar R.A. Bahawa Umar pernah memperoleh sebidang tanah di Khaibar, maka Umar datang berjumpa Rasulullah S.A.W. untuk bertanyakan pendapat beliau tentang hal tanah itu. Umar berkata: Ya Rasulullah, saya mendapat sebidang tanah di Khaibar yang belum pernah saya perolehi harta yang lebih baik daripadanya. Maka apakah yang engkau suruh agar aku kerjakan ?. Maka jawab Nabi: Jika engkau mahu, engkau boleh memakan pokoknya dan engkau sedekahkan hasilnya, kerana itu Umar pun mendedekahkan tanah itu dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak boleh dijadikan harta pusaka. Dan

Umar mendedekakkannya (2)

1. Al-Sharbini, Mohammad Al-Khatib, Mughni Al-Muhtaj, Darul Fikr, t.t., Hal., 376 Jld. 2
 2. Sunan Al-Termizi, Darul Fikri, Mesir, (t.t.), Hal 417 Jld. 2
- # Sharkawi, Muhammad, al (t.t.) Nailur Autar, Mesir, Hal. 127 Jld. 6.

untuk orang-orang fakir. Untuk para kerabat untuk memerdekakan hamba, untuk para tetamu dan untuk jalan Allah, tidak salah bagi orang yang mengurus tanah itu makan hasilnya menurut ma'aruf dan memberi makan kepada orang lain dengan jangan dijadikan miliknya".

Abu Ubaid berpendapat bahawa Khaibar diambil selepas berlaku peperangan dan selepas diambil 1/5 daripada hartanya, maka bakinya dibahagikan kepada orang-orang Islam. Mengikut Abu Ubaid, pada teorinya tanah itu bergantung kepada dua pilihan, sama ada ianya dibahagi sebagai Ghanimah kepada Tentera Islam atau diistilahkan sebagai harta wakaf bagi orang-orang Islam. Nabi Muhammad S.A.W. membahagikan tanah di Khaibar kepada 36 lot dan tiap-tiap lot mengandungi 100 bahagian. Separuh daripadanya adalah kepunyaan keluarganya dan separuh lagi adalah untuk orang-orang Islam. (1)

Beberapa nas yang berkaitan dengan wakaf.

Firman Allah S.W.T. yang berbunyi;

مِثْلَ الَّذِينَ يَنْفَعُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمِثْلِ حَبَّةٍ
أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَبِيلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ
رِضًا نَفْسًا مِنْ مِثْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

maksudnya: " Perbandingan (perbelanjaan atau derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai itu (2)

-
1. Mohd. Ridzuan Awang, Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan, Al-Rahmaniah, 1987, Hal. 6
 2. Surah Al-Baqarah, Ayat 261 Juzuk 3.

mengandung seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah amat luas (rahmat) kurnianya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya ”.

Ayat di atas menjelaskan bahawa setiap amalan atau perbelanjaan harta yang Allah kurniakan kepada kita yang dengan harta tersebut disedekahkan dan didermakan untuk kepentingan manusia sejagat dengan penuh keikhlasan kerana Allah, walaupun sedikit telah dijamin oleh Allah akan diberikan ganjaran yang sewajarnya sesuai dengan amalan tersebut.

Seterusnya, Firman Allah:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يَتَذَكَّرُونَ
مَا أَنْفَقُوا مَا رَدَّ اللَّهُ عَلَيْهِمْ جَزَاءً وَلَا ضَرْفًا
عَلَيْهِمْ عَلَيْهِمْ كَرِيمُونَ

maksudnya: " Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (agama), kemudian mereka tidak mengiringi apa yang telah mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkitkan (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita ". (1)

1. Surah Al-Baqarah, Ayat 262 Juzuk 3.

Seterusnya Firman Allah:

وَالَّذِينَ يَتَّقُونَ أَهْوَاهُمْ ائْتِذَاكَ مَرْضَاتٍ إِلَهُ
وَتَبِيحًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ لِمَلِّ جَنَّةٍ يَّرْبَوْنَ أَلَمْ يَرْبُوا لَهَا
أَلَمْ يَرْبُوا لَهَا فَتَانَ لَمْ يَرْبُوا لَهَا فَتَانَ لَمْ يَرْبُوا لَهَا

maksudnya: " Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda, kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiramnya) dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan ". (1)

Firman Allah S.W.T. lagi:

وَمَا تَعْلَمُ مِنْ نَّفْعَةٍ أُرْتَدُّنَّ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ بِهَا
وَمَا تَعْلَمُ مِنْ نَّفْعَةٍ أُرْتَدُّنَّ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ بِهَا

maksudnya: " Dan (ketahuilah) apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan. Maka sesungguhnya Allah mengetahui. Dan ingatlah orang-orang yang zalim itu tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya ". (2)

-
1. Surah Al-Baqarah, Ayat 265, Juzuk 3.
 2. Ibid., Ayat 270, Juzuk 3.

FirmanNya lagi:

قُلْ لِعِبَادِيَ الَّذِينَ آمَنُوا يُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيَمْضُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَلَا يُلَاقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لِيُنْفِقُوا مِنْهُ
مِمَّا كَرِهَتْ أَعْيُنُهُمْ لِئَلَّا يُذَقُوا آسَافًا

maksudnya: " Katakanlah kepada hamba-hambaku yang beriman, hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada dengan merahsiakan pemberiannya itu atau dengan berterang-terangan, sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan) ". (1)

FirmanNya lagi:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

maksudnya: "Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka." (2)

FirmanNya lagi:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

maksudnya: "Belanjakan (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi (3)

1. Surah Al-Ibrahim, Ayat 31, Juzuk 13
2. Surah Al-Baqarah, Ayat 3, Juzuk 1
3. Ibid, Ayat 195, Juzuk 1.

orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya".

FirmanNya lagi:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَلِلَّهِ وَإِلَيْهِ
وَالْآخِرِينَ وَالْأُولَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالرِّجَالِ عَلَىٰ أَعْقَابِهِمْ
مِنْ خَيْرٍ إِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

maksudnya: " Mereka bertanya kepada mu (wahai Muhammad) apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah) ?. Katakanlah, apa jua harta benda (yang halal), yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada dua ibu bapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)." (1)

FirmanNya lagi:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ
الْبَرِيَّةِ خَزَائِرُ لَهُمْ مِنْ دُونِ الْجَنَّةِ فِيهَا
كُنُوسٌ وَأَنْهَارٌ وَأَنْهَارٌ فَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْهُمْ
عَنْ ذَلِكَ لَنْ يَرْضَىٰ رَبُّهُ

maksudnya: " Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal saleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk, balasan mereka di sisi tuhan mereka ialah syurga 'addn (tempat tinggal yang kekal), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekallah mereka di dalamnya, Allah redha akan mereka, dan (2)

1. Ibid. Ayat 215, Juzuk 2

2. Surah Al-Baiyinah, Ayat 7 - 8, Juzuk 30

mereka pun redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberiannya, balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah tuhanNya)".

FirmanNya lagi;

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تَحِبُّونَ رِئَا
تَشْفَعُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

maksudnya: " Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi, dan sesuatu apa jua pun yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya ". (1)

Semua ayat-ayat Al-Quran yang telah disebut di atas tadi adalah menggambarkan tentang infak iaitu perbelanjaan harta supaya bertepatan dan bersesuaian dengan saranan yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam Al-Quran. Walaupun perkataan wakaf tidak disebutkan dengan jelas, namun boleh difahamkan bahawa ianya juga ada kait mengait dengan galakan berwakaf supaya harta yang ada pada kita tidak pupus begitu sahaja.

1. Surah Ali-Imran, Ayat 92.

KONSEP TANAH WAKAF:

Tanah wakaf telah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Konsep ini diamalkan juga semasa Umar, Khulafa' Al-Rasyidin dan pemerintah-pemerintah Islam selepasnya.

Pada masa Rasulullah S.A.W., baginda telah mewakafkan sebahagian tanah yang telah diperolehi oleh Tentera Islam sebagai harta ghanimah untuk perbelanjaan orang-orang Islam dan Rasulullah S.A.W. telah membahagikan sebahagian yang lain kepada Tentera Islam.

Begitu juga Rasulullah S.A.W. telah mengizinkan Umar Al-Khatab bagi mewakafkan tanah yang diperolehi di Khaibar.

Setengah daripada berapa contoh wakaf yang telah berlaku pada zaman Rasulullah S.A.W. adalah seperti berikut:

Pertama:

Rasulullah S.A.W. telah menerima wakaf tanah kebun yang telah dilakukan oleh Bani Al-Najjar untuk mendirikan masjid setelah berpindah ke Madinah.

Kedua:

Abu Talhah (seorang Ansar yang kaya) telah memberi sedekah hartanya yang dikasihi, iaitu kebun tamar yang berhampiran dengan Masjid Nabi, kepada Allah S.W.T. sebagai wakaf, menyerahkan harta itu kepada Rasulullah S.A.W. untuk menguruskannya. Rasulullah S.A.W. memerintahkannya supaya harta itu dibahagikan kepada kaum keluarganya. Maka Abu Talhah telah membahagikan harta itu kepada kaum keluarga dan sepupunya.

1. Mohd. Ridzuan Awang, Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Perbandingan Pendekatan, Al-Rahmaniah, 1987, Hal. 22.

Ketiga:

Rasulullah S.A.W. telah menjadikan telaga (air) sebagai wakaf bagi ibu Sa'ad yang telah meninggal dunia, di mana ianya dianggap sebagai sedekah yang banyak pahalanya.

Keempat:

Pada masa Rasulullah S.A.W., Umar telah mewakafkan tanah di Khaibar dan tanah-tanah itu tidak boleh dihibah dan dijadikan harta pusaka. Tanah itu digunakan untuk orang-orang fakir, kaum kerabat nabi, hamba, pada jalan Allah, Ibnussabil dan sebagainya. Begitu juga diharuskan bagi orang yang menguruskan harta itu mengambilnya untuk makan dengan cara yang ma'ruf dan bukan untuk dijadikan milik. (1)

HIKMAT WAKAF:

Wakaf serta kenikmatannya akan dirasakan oleh orang yang menerima penyerahan harta wakaf (maukuf 'aliah) sahaja. Sesungguhnya kehidupan manusia di muka bumi ini tidak sama, ada yang kehidupan mereka serba mewah, ada pula yang susah. Oleh itu untuk mengimbangi keadaan ini, Allah S.W.T. telah memfardhukan bagi mereka yang berada mengeluarkan zakat, sebahagian daripada harta mereka supaya dapat diberikan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan tidak berada, agar keperitan yang mereka rasai selama ini dapat diringankan. Dan juga dengan cara demikian dapat mengubah sikap kedekut, (2)

1. Ibid. Hal. 22.

2. Al-Jarjawi, Ali Ahmad, Hikmat Al-Tasri, Wa Falsafatuhu, Darul Fikri, Cairo, t.t. Jld. 2, Hal. 199.

Antara kesan yang terjalin ialah seperti berikut:

i. Keimananan - setiap muslim dan mukmin yang percaya dan bertaqwa kepada Allah SWT, maka sudah barang tentu terasa bertanggungjawab dalam melaksanakan hubungan baik yang berterusan terhadapNya, sebagai satu persediaan bagi pertemuan di hari akhirat. Wakaf adalah cara yang sebaik mungkin bagi tujuan ini, kerana wakaf adalah merupakan sunnah nabi yang paling banyak diikuti oleh sahabat dan Tabi'in.

ii. Ilmu Pengetahuan - banyak harta-harta wakaf dan ramainya bilangan orang yang menyertai bidang wakaf yang ini memerlukan satu sistem rekod yang kemas dan berkesan. Ia juga memerlukan kaedah penyelenggaraan yang baik supaya harta-harta wakaf dapat berfungsi sepenuhnya dalam masyarakat. Dengan itu dapat melahirkan tokoh-tokoh ekonomi yang sentiasa dapat memikirkan idea-idea yang berguna dalam masyarakat.

iii. Amal Bakti - selain amal biasa yang berbentuk kewajipan seperti solat, puasa, haji dan zakat, orang-orang Islam masih mempunyai cara lain bagi membuat kebajikan dalam agama dengan kaedah wakaf.(1)

Kerana masyarakat Islam sepanjang masa tetap memerlukan sekolah, masjid, tanah perkuburan dan sebagainya. Hanya sistem wakaf yang boleh menjamin keperluan-keperluan tersebut dapat diatasi. (2)

1. Ibid.
2. Ibid.

Jumhur ulama' mereka berpendapat rukun wakaf adalah terdiri daripada pertama Waqif iaitu orang yang berwakaf, kedua mauquf 'aliah iaitu orang yang menerima atau yang diserahkan kepadanya harta wakaf, ketiga mauquf iaitu harta atau benda yang diwakafkan dan yang keempatnya shiqhah iaitu ijab dan qabul daripada kedua-dua belah pihak waqif dan mauquf 'aliah.(1)

Manakala golongan yang bermazhabkan Mazhab Hanafi mereka berpendapat rukun wakaf hanyalah ijab sahaja daripada waqif tanpa memerlukan qabul daripada mauquf 'aliah. Bagi mereka jikalau seorang waqif telah melafazkan wakaf kepada seseorang maka jika mauquf 'aliah itu tidak menjawab atau tidak melafazkan lafaz qabul maka bagi pendapat golongan ini maka sah wakaf tersebut (2).

Syarat-Syarat yang berhubung dengan Rukun Wakaf:

Rukun yang pertama: Waqif (orang yang berwakaf)

-
1. Abi Muhammad Abdullah b. Ahmad b. Muhammad b. Kudamah, Mughni, Maktabah Al-Riadi Al-Hatithah, 1981, Hal. 632, Jld. 5.
Al-Sarbini, Mohammad Al-Khatib, Mughni Al-Muhtaj, Dar Al-Fikr, t.t. 376 - 383, Jld. 2.
 2. Kamalludin Muhammad b. Abd-Wahid, Fat Al-Qadir, Maktabah Al-Rasyidiah, Karachi, t.t. Jld. 5, Hal. 39.
Al-Zuhaili, Wahbah Dr. Al-Fiq Al-Islami Wa Adilatuhau, Dar Al-Fikr Damsyek, 1989, Jld. 8, Hal. 159.

Orang yang berwakaf ini adalah yang menyerahkan hartanya sebagai wakaf yang mana faedah dan mamfa'atnya daripada harta tersebut dapat dinikmati oleh pihak yang menerima harta yang diwakafkan tersebut untuk menentukan kesahihan perwakafannya syara' telah mengenakan beberapa syarat yang sepatutnya dipatuhi, antara lain syarat-syarat tersebut :-

- i. Waqif hendaklah seorang yang baligh (1) Mohammad Al-Najifi berpendapat umur kanak-kanak sepuluh tahun adalah sudah dianggap baligh, kerana wakaf adalah sebagai tabarru' sedekah sedangkan kanak-kanak yang mumaieiz tidak layak untuk bertabarru'. Lantaran itu sekiranya kanak-kanak yang belum baligh berwakaf maka wakafnya dikira batal sekalipun dengan keizinan serta kebenaran walinya. (2)
- ii. Wakif hendaklah seorang yang berfikiran waras dan dengan kehendaknya sendiri bukan dengan paksaan orang lain. (3) Orang gila dan orang ma'tuh wakaf mereka tidak sah kerana orang gila itu telah hilang pertimbangan akal yang waras dan orang yang ma'tuh itu akalnya kurang atau tidak sempurna sedangkan semua tabarru' dan segala yang berkaitan dengannya merupakan pengguguran hak pemilikan, yang mana sahnya sesuatu pengguguran hak itu berkaitan rapat dengan kesempurnaan akal, oleh itu orang yang gila dan orang yang ma'tuh tidak sah perwakafan mereka (4)

-
1. Ahmad Farraj Hassan, Ahkam Al-Wasaya Wa Al-Auqaf Fi Al-Syariah Islamiah, Dar Al-Jamiah, Cairo, 1986, Hal. 328
 2. Al-Najiri Muhammad Hassan, Jawahir Al-Kalam, Dar Al-Ehya Wa Al-Thurath Al-Arabi, Beirut, 1981, Hal. 28, Jld. 21.
 2. Op. cit., Hal. 328
 3. Ibid.
 - Ahmad Zaki Taufahah, Al-Islam Aqidah Wa Syariah, Dar Al-Kitab, 19983, Hal. 216.
 4. Ibid. (21)